

BERITA ONLINE

MALAYSIAGAZETTE

TARIKH: 30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)

MG Malaysia Gazette
SPROUT YOUR MIND

Malaysia berada di tangga ke-36 dalam Global Innovation Index



KUALA LUMPUR – Malaysia menduduki tangga ke-36 daripada 132 buah negara dalam Laporan Global Innovation Index (GII) Tahun 2022 yang dikeluarkan oleh World Intellectual Property Organization (WIPO) di Geneva, Switzerland.

Kedudukan ini amat membanggakan negara setelah mengharungi pelbagai cabaran semasa pandemik Covid-19, kata Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia merupakan negara ke-3 paling berinovatif selepas China dan Bulgaria.

Bagi negara ASEAN pula, Malaysia kekal berada di tempat ke-2 selepas Singapura.

Dalam pada itu, Malaysia berada di kedudukan pertama bagi dua indikator iaitu eksport berteknologi tinggi dan eksport barang kreatif.

Selain itu, Malaysia merekodkan peningkatan tiga daripada tujuh tonggak berbanding tahun 2021 iaitu *Market Sophistication* (26 berbanding 30), *Institutions* (34 berbanding 41) dan *Human Capital and Research* (38 berbanding 39).

MOSTI berkata, ia akan mewujudkan satu Jawatankuasa Inter-Agenzi Pemantauan Daya Saing Global Innovation Index (JIPGII) melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi memantau pencapaian prestasi daya saing negara di peringkat global.

Kerajaan turut mengambil pendekatan Keluarga Malaysia yang melibatkan semua jentera kerajaan, industri, akademia dan masyarakat bagi meningkatkan ekonomi berteraskan inovasi.
– MalaysiaGazette